

27 OCT 2003

Mahathir-Kacau

"SAYA TIDAK AKAN KACAU PENTADBIRAN NEGARA" -- DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 27 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau tidak akan mengganggu perjalanan pentadbiran negara selepas persaraannya nanti.

"Selepas 31 haribulan ini, saya tidak ada hak nak menentukan apa-apa pun. Saya akan berundur diri dan tidak akan kacau dalam pentadbiran negara kita," katanya ketika berucap pada majlis penyampaian Anugerah Khidmat Cemerlang Perbendaharaan 2002 di sini.

Sehubungan itu, Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan, meminta semua kakitangan kementerian itu supaya memberikan kerjasama untuk terus menjayakan negara ini di bawah pimpinan penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang kini memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata sama ada Abdullah akan menjadi Menteri Kewangan atau tidak, itu adalah pilihannya sendiri.

Bagaimanapun, beliau berkata peluang perlu diberikan kepada para pentadbir yang bakal mengambilalih untuk menjalankan tugas mereka tanpa apa-apa gangguan.

Dr Mahathir berkata Abdullah dijangka meneruskan segala usaha dan dasar yang telah ditentukan oleh kerajaan selama ini yang dibuat bersandarkan kepada prinsip tanggungjawab bersama yang dipegang oleh Kabinet.

Katanya pemerintahan negara ini bukan berasaskan kepada tindakan atau pemikiran satu orang sahaja seperti yang sering dituduh oleh pihak asing.

"Kononnya negara kita ditadbir oleh seorang diktator yang memaksa semua pihak membuat apa yang mereka tidak ingin lakukan. Itu tuduhan orang dan ianya tak benar," katanya.

Dr Mahathir berkata walaupun pucuk pimpinan bertukar, ia tidak bermakna segala-galanya akan bertukar.

"Kita akan melihat sudah tentu cara yang mungkin berbeza, stail berbeza tetapi dasarnya sama, pendekatannya sama, matlamatnya sama," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau masih percaya pemimpin dan rakyat Malaysia masih berminat untuk melihat tanah air mereka muncul sebagai sebuah negara maju menjelang 2020.

"Itulah matlamat kita dan ke arah ini, kepimpinan yang baru saya yakin akan berusaha dan saya harap semua kita akan memberi kerjasama kepada kepimpinan yang baru," katanya.

Merujuk kepada persaraannya pada Jumaat ini selepas 22 tahun menjadi Perdana Menteri, Dr Mahathir berkata sebenarnya tidak ada sesiapa yang begitu penting sehingga segala-galanya akan terhenti jika orang itu sudah tiada.

Menurutnya, tanggapan seumpama itu adalah tidak benar sama sekali kerana hakikatnya ialah semua orang adalah penting dan mereka juga akan diganti oleh orang lain bila tiba masanya.

"Tidak perlu kita memberi penghargaan yang terlalu tinggi sehingga mungkin ada pendapat yang menyatakan kita cuba mendewa-dewakan seseorang. Itu bukanlah cara kita," katanya.

Sebaliknya, kata Dr Mahathir, jasa dan khidmat semua kakitangan kerajaan yang memberikan khidmat ke arah pembangunan negara juga perlu dihargai.

-- BERNAMA

MAM MAM RHM